



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date | 14/6/2011 |

9 inisiatif baharu beri impak pendapatan negara kasar sebanyak RM18.67b

PM umum pelaburan RM2.27b

Oleh AINUL ASNIERA AHSAN
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 13 Jun
Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan sembilan lagi inisiatif baharu di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) membabitkan pelaburan sebanyak RM2.27 bilion.

Pelaburan itu memberi impak kepada pendapatan negara kasar (GNI) sebanyak RM18.67 bilion dan mewujudkan 36,595 pekerjaan menjelang 2020.

Perdana Menteri baru-baru ini mengumumkan enam projek ETP membabitkan pembinaan loji pemapasan dan pembangunan bersepadu petrokimia (RAPID) berjumlah RM60 bilion.

Gabungan kesemua 15 inisiatif ini dalam tujuh Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) mewakili pelaburan RM63.38 bilion dan GNI sebanyak RM66.13 bilion serta mewujudkan 63,531 peluang pekerjaan baharu.

Najib berkata, secara terkumpul ETP kini mencatatkan pelaburan berjumlah RM170.28 bilion, GNI RM220.15 bilion dan 362,396 pekerjaan baharu.

"Jumlah pelaburan ini adalah terbesar dalam sejarah (pelaburan) direkodkan bagi jangka pendek," katanya ketika mengumumkan kemajuan projek ETP kali keenam di sini hari ini.

Sembilan inisiatif baharu itu melibatkan projek Bandar Pendidikan Perubatan Perdana seluas 64 hektar di Bandar Springhill, Port Dickson oleh Kumpulan UCSI, syarikat induk

universiti UCS.

Najib berkata, inisiatif itu juga menyaksikan pembabitan SEGI Education Group dengan lapan buah pembekal latihan Pusat Latihan Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (ECCE) bagi pembinaan pusat latihan ECCE di kawasan Greater Kuala Lumpur dan di seluruh negara.

Di bawah bidang kesihatan, Sime Darby Healthcare Group akan memajukan dua hospital pakar, Sime Darby Medical Centre Ara Damansara (SDMC AD) dan Sime Darby Medical Centre Park City, masing-masing melibatkan pelaburan sebanyak RM240 juta dan RM40 juta.

Selain itu, Biocon juga melabur dalam pembinaan kemudahan di BioXcell, sebuah taman dan persekitaran bio-teknologi di Iskandar Malaysia.

Perdana Menteri berkata, di bawah bidang pertanian, JEFI Aquatech Resources Sdn. Bhd. akan menjadikan Malaysia sebagai pengeluar udang terbesar bagi pasaran halal dan antarabangsa.

Katanya, Yanming Resources Sdn. Bhd. pula sedang melabur RMS juta meningkatkan pengeluaran sarang burung sedia dimakan.

Najib berkata, VADS Bhd. dan Cisco telah memeterai persetujuan membina infrastruktur Telepresence Exchange pertama di Malaysia menawarkan perkhidmatan perhubungan video selenggara kepada sektor awam dan swasta di Malaysia dan negara-negara serantau.

Katanya, Kementerian Pelanco-

ngan akan memperkenalkan Malaysia Jualan Bersepadu buat kali pertama mulai 15 Jun ini hingga 31 Ogos 2011 dengan menyatukan jualan murah terbesar tiga kali setahun kepada satu jualan besar diselenggarakan.

Beliau berkata, Konsortium Rangkaian Serantau Sdn. Bhd. dianggotai 24 buah syarikat sedang mendapatkan harga borong lebih rendah bagi bekalan jalur lebar tempatan dan antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, inisiatif baharu juga membabitkan Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi Malaysia (SMKM) bersama-sama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi mengadakan sistem pemantauan penghantaran sarang burung 'swiflet' ke seluruh dunia.

Katanya, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air akan menerajui program Pencapaian Kestabilan melalui Kecekapan Tenaga (SAVE) bagi meningkatkan kecekapan tenaga di Malaysia melalui lima daya usaha.

Najib berkata, peningkatan penggunaan peralatan cekap tenaga dibuat dengan menyediakan rebat bagi penghawa dingin dan peti sejuk mulai Julai ini. Katanya, di bawah ETP, Bureau Veritas, peneraju khidmat keakuratan membeli Scientigie Sdn. Bhd. untuk mengukuhkan keupayaannya.

Perdana Menteri berkata, di bawah perkhidmatan perniagaan AMD merasmikan pusat terbaharunya di Cyberjaya melibatkan pelaburan RMS500 juta untuk menyokong perniagaan di seluruh dunia.

INFO

INISIATIF BAHARU PROGRAM TRANSFORMASI EKONOMI

Pendidikan

UCSI Group membangunkan Bandar Pendidikan Perubatan Perdana di Bandar Springhill, Port Dickson dengan pelaburan RM850 juta pada 2012. Impak kepada pendapatan negara kasar (GNI) RM1.3 bilion dan menjana 2,000 pekerjaan menjelang 2020.

Kumpulan Pendidikan SEGI akan membina Pusat Latihan Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Greater Kuala Lumpur serta pusat berkaitan di seluruh negara. GNI RM900 juta dan menjana 30,000 pekerjaan.

Perubatan

Sime Darby Healthcare Sdn. Bhd. akan membina dua hospital pakar di Ara Damansara dan ParkCity, kedua-duanya melibatkan pelaburan RM280 juta. Menjana 1,539 pekerjaan.

Pertanian

JEFI Aquatech Resources Sdn. Bhd. sedang menjadikan Malaysia pengeluar udang terbesar di pasaran halal antarabangsa dengan perbelanjaan RM375 juta. GNI RM9.5 bilion dan 2,800 pekerjaan.

Yanming Resources Sdn. Bhd. melabur RM5 juta untuk meningkatkan pengeluaran sarang burung sedia dimakan. GNI RM88.7 juta dan menjana 103 pekerjaan.

Komunikasi dan Prasarana

VADS Bhd. dan Cisco bersetuju membina infrastruktur Telepresence Exchange dengan kos pelaburan RM11.3 juta. Menjana 1539 pekerjaan.

Borong dan runcit

Jualan Bersepadu Malaysia, penyatuan tiga jualan murah besar akan diperkenalkan pada 15 Jun hingga 31 Ogos. GNI RM1.78 bilion.

Program Pencapaian Kemapanan Kecekapan Tenaga (SAVE)

Menyediakan rebat bagi penghawa dingin dan peti sejuk mulai Julai ini untuk meningkatkan penggunaan peralatan cekap tenaga. GNI RM5.1 bilion.